

| | | | |
|-------------|--|------------|---------------|
| Headline | TNB Beli ekuiti RM1.2 bilion dalam firma India | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 10 May 2016 | Language | Malay |
| Circulation | 125,514 | Readership | 947,000 |
| Section | Bisnes | Page No | B1,2 |
| ArticleSize | 330 cm ² | Journalist | Oleh Lum Chee |
| PR Value | RM 34,126 | | |
| | | | |

TNB beli ekuiti firma India babit pelaburan RM1.2b

🔍 Pembelian saham GMR Energy perkukuh kehadiran syarikat dalam sektor tenaga

Oleh Lum Chee Hong

lumch@bh.com.my

Tenaga Nasional Bhd (TNB) memeterai perjanjian dengan GMR Energy Ltd (GEL) membeli 30 peratus ekuiti bernilai AS\$300 juta (RM1.2 bilion) dalam syarikat tenaga yang berpangkalan di India itu.

Langkah berkenaan adalah untuk mengembangkan kehadiran syarikat utiliti Malaysia di India yang mana sektor tenaga

sedang pesat berkembang.

Mengulas perkembangan itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir Azman Mohd, berkata pelaburannya dalam GMR Energy itu memenuhi semua kriteria pelaburan dan perjanjian itu mempunyai potensi dan nilai yang amat besar.

Manfaat jangka panjang

“Ia meletakkan TNB dalam kedudukan utama untuk mendapat manfaat daripada potensi pertumbuhan penggunaan elektrik jangka panjang yang unggul di India, salah satu daripada ekonomi baru muncul terbesar di dunia.

“Ia juga menawarkan pelbagai saluran untuk pertumbuhan dalam sektor kuasa di India, melangkaui generasi dengan prospek pembangunan pan-India,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

TNB menandatangani Perjanjian Langganan (SA) dan Perjanjian Pemegang Saham (SHA) untuk melabur sebanyak 30 peratus kepentingan membatik AS\$300 juta dalam GEL.

Urus niaga itu dijangka siap dalam tempoh antara tiga hingga enam bulan akan datang. Ia juga akan mengukuhkan perkongsian strategik dengan GMR Infrastructure Ltd (GIL), salah satu konglomerat infrastruktur terbesar di India dengan perniagaan merangkumi tenaga, lapangan terbang, pengangkutan dan infrastruktur bandar.

Tambahan empat aset kuasa

Pelaburan itu akan dibiayai oleh gabungan dana dalaman atau hutang luar yang tertakluk kepada beberapa syarat untuk dipenuhi termasuk mendapatkan kelulusan kawal selia daripada kedua-dua pihak berkuasa di India dan Malaysia.

GEL, anak syarikat GIL mempunyai portfolio lima aset operasi kuasa yang terdiri daripada arang batu, gas dan aset tenaga diperbaharui dengan gabungan kapasiti penjanaan 4,630MW.

Tambahan empat aset kuasa kini sedang dalam peringkat pelaksanaan di India dan Nepal dengan gabungan kapasiti penjanaan 2,300MW.

| | | | |
|-------------|--|------------|---------------|
| Headline | TNB Beli ekuiti RM1.2 bilion dalam firma India | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 10 May 2016 | Language | Malay |
| Circulation | 125,514 | Readership | 947,000 |
| Section | Bisnes | Page No | B1,2 |
| ArticleSize | 330 cm ² | Journalist | Oleh Lum Chee |
| PR Value | RM 34,126 | | |
| | | | |

Fakta nombor

30 PERATUS
Jumlah pembelian ekuiti GEL Energy.

5 ASET
Tenaga operasi GMR Energy.

4 ASET
Tambahannya tenaga dalam pelaksanaan.



+

Pelaburannya dalam GEL Energy penuh semua kriteria pelaburan dan perjanjian itu ada potensi dan nilai yang amat besar”

Azman Mohd,
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB